



Memo

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD**

Kepada : Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPS/UPSM/A/0047
Tarikh : 23 Februari 2012

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 8 TAHUN 2012**

PEMBEKUAN CUTI PENDEK/CUTI PAGI/CUTI PETANG

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan kemudahan cuti pendek/ cuti pagi/ cuti petang adalah satu kemudahan yang hanya digunakan oleh anggota LGM. Kemudahan ini tidak terdapat di dalam peraturan atau pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak JPA.
3. Mengikut rekod, kemudahan cuti pendek tidak pernah dibawa untuk kelulusan Ahli Lembaga LGM. Oleh yang demikian, pengerusi mesyuarat ketika mesyuarat Ketua-ketua Unit pada 7 Januari 2012 di Melaka telah mengarahkan UPSM membuat makluman supaya kemudahan ini ditangguhkan sehingga kelulusan oleh Ahli Lembaga LGM diperolehi.
4. Mesyuarat Ahli Lembaga LGM dijadualkan pada bulan Mac 2012 dan keputusan mesyuarat akan dimaklumkan kepada warga LGM seterusnya. Atas arahan tersebut, pembekuan cuti pendek/ cuti pagi/ cuti petang dikekalkan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF"**

(ROSNA BINTI ABD RAZAK)

s.k. : Y. Bhg Datuk Ketua Pengarah
Timbalan-timbalan Ketua Pengarah
Pengarah-Pengarah Bahagian